



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

### **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

<b>SABTU, 2 JULAI 2022</b>	
1.	'Harga siling ada margin untung' -Ada peniaga ayam jual dengan harga lebih rendah
2.	Denda Rm100,000 jika tidak patuh -Harga ayam dijual lebih Rm10 sekilogram
3.	Harga ayam : rakyat akui lega
4.	Pengguna puas hati -Isu subsidi masih belum jelas -Harga siling ayam memadai untuk penternak
5.	Tempoh kuarantin import lembu disingkatkan
6.	Ibadah korban dibenar selepas solat sunat Aidiladha
7.	Peniaga perlu pamer harga caj khidmat potong ayam
8.	Jual ayam, telur lebih harga
9.	Peniaga patuh harga ayam
10.	Sabah, Sarawak turut selaras harga
11.	Elak ayam, telur jadi makanan 'mampu tengok' sahaja
12.	Making sacrifices to survive -'New ceiling price a win-win situation'
13.	CAP cries foul over high chicken prices
14.	Peniaga, pembeli tak bising
15.	Peniaga ayam akur harga siling -Harga ayam segar Johor bahru Rm9.90
16.	Untung Rm1.2 juta! -Rasional di sebalik penetapan harga siling baharu
17.	Tuah Si Toyol !
18.	Peniaga patuh harga siling baharu ayam
19.	Bekalan di semua negeri sudah kembali pulih -Harga siling ayam jaga kepentingan semua pihak
20.	Ministry announces price cap for chicken, eggs
21.	Sellers say not affected by ceiling price

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Peniaga ayam lega, harga baharu beri keuntungan sekurang-kurangnya RM1 berbanding sebelum ini

Oleh NORAWAZNE YUSOF  
KUINTAN

**P**enetapan harga siling runcit ayam standard kepada RM9.40 sekilogram bermula pada Jumaat memberi kelegaan buat semua peniaga ayam di negeri ini.

Tinjauan Sinar Harian di pasar basah Balok dan Besaroh mendapati, peniaga ayam mematuhi harga siling seperti ditetapkan kerajaan.

Mereka juga mengikui harga baharu itu memberi margin keuntungan kepada mereka sekurang-kurangnya RM1 berbanding sebelum ini.

Peniaga ayam, Ali Akbar Othman, 56, berkata, keuntungan RM1 cukup bertamabuat semua peniaga barangan mentah itu kerana tidak perlu menanggung kos modal.

Malah, katanya, peniaga boleh meneruskan aktiviti jualan tanpa memikirkan tindakan untuk menghentikan operasi perniagaan mereka.

"Sebelum ini margin untung kurang daripada 50 sen dan adakala terpaksa mengorbankan modal dengan menjual ayam pada harga RM8.90 sekilogram, sedangkan pemborong meletakkan harga



ALI AKBAR



SHAHROM



ROZATUL AINI



ROJNI



FARAH AZMERA

RM8.50 hingga RM8.60 sekilogram.

"Tetapi dengan harga siling (RM9.40) sekurang-kurangnya, kami boleh kekal berniaga, ada margin untung yang bertamabuat walaupun RM1," katanya di Pasar Basah Balok di sini pada Jumaat.

Menurut Ali Akbar, peniaga boleh mematuhi harga siling yang ditetapkan kerajaan jika mampu mengawal harga di peringkat pengeluar.

"Jika kerajaan letak harga maksimum seperti hari ini (harga siling), semua peringkat boleh mengikut harga tersebut tanpa bertakunya kerana yang membebaskan pengguna," katanya.

Sementara itu, Shahrom Muhammad, 41, pula menganggap keputusan penetapan harga siling sebagai situasi menang-menang antara pengeluar, pemborong dan peniaga ayam di seluruh negara.

Bekas yang telah 12 tahun menjual ayam berkuba, krisis kenaikan harga ayam secara mendadak sebelum ini dapat ditangani dengan baik oleh pihak kerajaan.

"Kita lega kerana harga ayam di peringkat pemborong tidak semahal seperti sebelum ini iaitu sekitar RM8.10 sekilogram, berbanding RM9.80.

"Jadi bila harga murah, kita sebagai peniaga dapat menjual bahan mentah itu mengikut harga ditetapkan dan lebih murah," ujarnya.

Peniaga ayam di Pasar Basah Besaroh, Rozatul Aini Razali, 39, pula berharap kerajaan dapat mengkaji harga di peringkat ladang bagi mengurangkan harga ayam di semua rantau bagi membantu pembeli yang terbeban.

"Saya tidak tergamak untuk jual ayam dengan harga mahal tetapi terpaksa kerana dapat harga tinggi daripada pemborong.

"Kawal harga di peringkat

pengeluar, jadi sudah pasti saya dan peniaga lain mampu menjual bahan mentah dengan harga berpatutan," katanya.

Seorang lagi peniaga, Rosni Ariffin, 57, berkata, ayam dijual pada harga siling sebagaimana telah ditetapkan pihak kerajaan bermula Jumaat.

"Alhamdulillah, harga daripada pembekal tidak terlalu tinggi, jadi kita dapat mematuhi harga kawalan kerajaan.

"Pembeli pun memahami dan boleh menanama harga baharu ini, ia tidak terlalu membebankan berbanding sebelum ini," ujarnya yang sudah 30 tahun menjual ayam.

Dalam pada itu, seorang perlanggah, Farah Azmera Mohd Rosli, 28, mengakui hada pilihan dan terpaksa membeli ayam ketika harga bahan mentah itu tinggi.

"Ayam adalah satu keperluan, mahu tidak mahu kita terpaksa beli. Justeru, kerajaan kena riam peranan mengawal kenaikan ini," katanya.

## 'Harga siling ada margin untung'



## 'Ada peniaga ayam jual dengan harga lebih rendah'

**KUALA TERENGGANU** - Peniaga ayam runcit di negeri ini menjual bahan mentah tersebut mengikut harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM9.40 sekilogram (kg) pada hari pertama ia dikuatkuasakan.

Ketua Pegawai Penguat kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Nor Azmi Lamisa berkata, tinjauan setakat jam 10 pagi mendapati peniaga mematuhi harga tersebut.

Menurutnya, ada juga segelintir peniaga yang menjual ayam mentah lebih rendah daripada harga siling ditetapkan dan usaha penjual berkenaan

wajar dipuji kerana bersamasama membantu meringankan beban pengguna.

"Setakat ini kita dapati barang-barang kawalan iaitu ayam dan telur dijual mengikut harga ditetapkan, cuma kita akan lihat dan sori bekalan bagi memastikan stok sentiasa cukup.

"Kita akan berhubung rapat dengan MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) untuk memastikan bekalan mencukupi agar barang dapat dijual pada harga ditetapkan," katanya selepas membuat tinjauan pelaksanaan Penerimaan Fasa II OPS ATM (Ayam, Telur Ayam dan Minyak Masak) di sini pada Jumaat.



Azmi (liri) menunjukkan ayam yang dijual mengikut harga ditetapkan kerajaan iaitu RM9.40 sekilogram bermula 1 Julai.

# Denda RM100,000 jika tidak patuh

Peniaga ayam dan telur ayam yang gagal patuhi penetapan harga barangan terkawal bakal dikenakan tindakan

Oleh DIANA AZIS  
SHAH ALAM

**M**ana-mana pihak khususnya peniaga ayam dan telur ayam yang gagal mematuhi penetapan harga barangan terkawal itu boleh dikenakan denda mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam hantaran di laman Facebook rasmi memaklumkan, individu yang gagal mematuhi akta berkenaan akan dikenakan denda sehingga RM100,000 atau kompaun sehingga RM50,000 sekiranya didapati bersalah.

Bagi syarikat yang didapati tidak mematuhi peraturan tersebut, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau kom-



Alexander ketika mengadakan tinjauan harga jualan ayam di Seksyen 15, Shah Alam pada Jumaat.

paun sehingga RM250,000.

Sementara itu menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi turut mengingatkan peniaga ayam untuk mempamerkan tanda harga caj tambahan termasuk upah memotong bekalan itu jika bercadang mengenakan bayaran terhadap perkhidmatan berkenaan.

Alexander berkata, peniaga perlu bertanggungjawab dan jujur dalam soal itu meskipun pihaknya belum menetapkan kadar bersesuaian.

"Jika mereka (peniaga) mahu mengenakan caj, perlu mempamerkan (harga) supaya pengguna tahu akan ada caj lebihan.

"KPDNHEP kawal, jika ada aduan yang diterima dan apabila disiasat didapati caj itu tidak berpatutan, kita akan ambil tindakan.

"Buat masa ini kita pantau. Kita belum lagi letakkan kadar (caj tambahan), tetapi di harap peniaga beretika," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau penjualan ayam dan telur di Seksyen 15 di sini pada Jumaat.

Dalam pada itu Alexander berkata, peniaga tidak seharusnya mengenakan caj tambahan terhadap pemotongan ayam memandangkan harga siling yang baharu ditetapkan pada kadar RM9.40 bagi satu kilogram (kg).

## Harga ayam dijual lebih RM10 sekilogram

**JOHOR BAHRU** - Harga ayam di daerah ini didapati mencecah lebih RM10 sekilogram (kg) sekali gus melebihi harga siling yang ditetapkan kerajaan iaitu RM9.40 satu kg.

Tinjauan Sinar Harian di beberapa kedai runcit dan premis menjual ayam di sini mendapati kebanyakan ayam segar dijual pada harga RM10 satu kg ke atas kerana peniaga mendakwa mendapat harga yang tinggi daripada pembekal.

Seorang peniaga di Taman Kota Masai, Fikri Yusrizal, 25, memberitahu, kedai runcitnya memperoleh kira-kira 50 ekor ayam sehari dan menjualnya pada harga RM11 untuk satu kg.

"Memang ada pelanggan yang merungut dengan harga ayam dijual tetapi peniaga ter-

paksa menjual pada harga itu. Biasanya memang habis walaupun harga ayam tidak menentu," katanya ketika ditemui pada Jumaat.

Seorang lagi peniaga di taman itu, Munawi Mahyidin, 29, berkata, kedainya sudah dua hari tidak membeli bekalan ayam untuk dijual kerana harga yang ditawarkan pembekal tinggi.

"Saya membeli bekalan ayam untuk kedai runcit dengan tiga buah kilang tetapi pada ketika ini semuanya menawarkan harga yang mahal. Saya dapat ayam segar dengan harga RM11.50 satu kg dan menjual pada harga RM12.50 satu kg.

"Harga ayam meningkat lagi dan saya terpaksa berhenti sekejap dan cuba mencari pembekal ayam lain dengan harga murah," katanya.



Fikri Yusrizal memotong ayam segar untuk pelanggan di sebuah kedai runcit di Taman Kota Masai, Johor Bahru, pada Jumaat.

# Harga ayam: Rakyat akui lega

Sambut baik tindakan kerajaan umum penetapan harga siling baharu

MUKHRIZ MAT HUSIN  
SHAH ALAM



BARJOYAI



AHMAD FAQIF FAHMI



DIYANA RIDZYANTY



MUHAMMAD AZAM



NURFARAHYA

Isu harga ayam di negara ini sering dibincangkan dan mencetus kebimbangan orang ramai soalkan kenaikan kos harga barangan yang berlaku haru-hari ini.

Namun, pengumuman Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bahawa harga siling ayam standard ditetapkan pada kadar RM9.40 per kilogram (kg) bermula 1 Julai di Semenanjung Malaysia, melegakan rakyat.

Menurut beliau, mesyuarat jemaah menteri pada Rabu itu turut beretuju menetapkan harga siling runcit telur ayam pada kadar 45 sen sebiji bagi grad A, grad B (43 sen) dan grad C (41 sen).

Katanya, kepunahan penetapan harga siling yang baharu itu telah mengambil kira dan diselaraskan dengan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat menyambut baik tindakan kerajaan malah ia dianggap wajar bagi memastikan kenaikan harga di peringkat pembekal atau pemborong tidak berlaku sewenang-wenangnya.

## Berita baik

Pembaca Jangka Tenaga Nasional Berhad (TNB), Ahmad Faqif Fahmi Maula Mohd Haniff, 28, menyifatkan keputusan itu merupakan satu berita baik buat rakyat sepertinya iaitu golongan berpendapatan rendah, B40.

"Penetapan yang dibuat oleh kerajaan ini sememangnya satu langkah yang wajar dilakukan. Aparah lagi sekarang ini pelbagai harga barang naik harga termasuk deda ayam."

"Masalah kenaikan harga ini bukan sahaja membimbangkan golongan B40, tetapi turut memberi kesan kepada golongan M40 dan T20."

"Dengan adanya penetapan harga baharu ini, sekarang korangoya kita tahu harga akan terkawal," katanya kepada Sinar Harian pada Khamis.

Nida yang diwarakan wartawan, Diyana Ridzyanty Rahap, 26, yang melihat kepunahan kerajaan menetapkan harga siling ayam standard pada kadar RM9.40 per kg sebagai sumbangan bagi mengawal kenaikan harga di peringkat pemborong.

"Tidak dapat dinafikan punca utama kenaikan harga ayam terdapat pada kenaikan harga makanannya. Apabila berlaku ketidakstabilan dalam harga makanan ayam, sudah tentu kos pengeluarannya turut meningkat dengan mendadak."

"Selain itu, bekalan bekurang sangat ketatan negara pada dalam memastikan bekalan bagi mengimbangi bekalan yang ditelan," katanya.



Harga siling ayam standard pada kadar RM9.40 per kilogram memberi kelonggan kepada rakyat khususnya golongan B40.

“

Untuk jangka pendek, langkah yang diambil ini boleh digunapakai tetapi ia mesti diikuti dengan langkah-langkah lain.”

-Barjoiyi Bardai

Sementara itu, pegawai kerajaan, Muzamil Mat Husin, 34, berkata kerajaan telah memastikan petanan penting dalam membantu rakyat saat berhadapan dengan situasi kenaikan harga ayam di negara ini.

"Umum sedia maklum bahawa ayam merupakan salah satu asas makanan rufi dalam masyarakat di negara ini. Peranan kerajaan sentiasa diharapkan dalam menyelami keperluan rakyat."

"Sebelum ini, apabila harga dinaikkan tanpa alternatif penyelesaian, ia menjadi penyebab kepada kenaikan harga ayam dalam pasaran," jelasnya.

Jurugambar, Muhammad Azam Abdullah, 28, mencadangkan satu perubahan lebih besar perlu dilaksanakan oleh kerajaan jika berkaitan negara keluar daripada masalah kenaikan harga ayam.

"Penetapan harga siling ayam pada RM9.40 adalah satu langkah yang baik berbanding dengan harga pasaran yang jelas memberikan kesan kepada rakyat."

"Namun, pada masa sama rakyat sebenarnya memerlukan subsidi kepada isu yang lebih besar iaitu kos sara hidup yang semakin meningkat," katanya.

Bagi pekerja swasta, Nurfarahya Nain, 26, langkah strategik membantu rakyat bagi menghadapi isu kenaikan harga

untuk barangan lain juga perlu dipertimbangkan oleh kerajaan.

Menurutnya, masyarakat masih lagi terkesan dan terheban dengan kos sara hidup selain daripada makanan.

"Oleh itu, diharapkan kerajaan dapat terus melaksanakan pembedaan subsidi dan bantuan tunai bagi melindungi rakyat daripada beban kenaikan kos sara hidup."

"Kerajaan perlu merangka strategi dan memikirkan cara yang lebih efektif supaya dapat meringankan beban rakyat yang terkesan dengan situasi ekonomi masa kini," katanya.

## Langkah berterusan

Utaha kerajaan membuat penetapan kadar harga siling ayam standard dan telur ayam bermula Jumaat, dilihat sebagai tindakan jangka pendek dan perlu disuaidi dengan tindakan jangka panjang.

Pakar ekonomi Universiti Tun Abdul Razak (Unirazak), Profesor Dr Barjoiyi Bardai berpandangan selain pemelaksanaan jangka pendek, kerajaan juga perlu membuat perancangan untuk mengawal situasi bagi jangka pertengahan dan jangka panjang.

"Untuk jangka pendek, langkah yang diambil ini boleh digunapakai tetapi ia mesti diikuti dengan langkah-langkah lain."

"Saya melihat bahawa ada satu rancangan kecil yang perlu dilaksanakan atau dipertuhi untuk membolehkan import ayam berlaku secara lebih baik bagi mengawal kos dan pengaliran ayam di Malaysia."

"Ia yang perlu dilakukan supaya dalam jangka pertengahan kita dapat lihat lebih banyak ayam dapat masuk pasaran. Untuk jangka panjang, kita perlu mengagalkan pemenuhan ayam kampung mengeluarkan hasil bagi mewujudkan bekalan ayam di pasaran," katanya.

# Pengguna puas hati

Lega peniaga patuhi harga siling seperti ditetapkan kerajaan

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI  
SHAH ALAM

Rata-rata rakyat di Selangor lega dengan peniaga yang menjual ayam pada harga siling iaitu RM9.40 sekilogram (kg) yang berkuat kuasa di seluruh negara mulai Jumaat.

Tinjauan Sinar Harian di Pasar Modern Seksyen 6 dan Seksyen 16, di sini pada Jumaat mendapati para peniaga ayam menjual sumber protein berkenaan mengikut harga yang telah diumumkan oleh kerajaan pada Rabu.

Hasil tinjauan turut mendapati para peniaga turut memaparkan harga siling tersebut menggunakan tag harga merah jambu seperti ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



SHARIFAH ZARINA

MOHD TARMIZI

Salah seorang pengguna, Sharifah Zarina Syed Abu Bakar, 46, berpuas hati dengan penetapan harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan.

Ibu kepada empat orang anak itu berkata, tindakan tersebut merupakan inisiatif yang bagus apabila sumber protein tersebut adalah antara paling digemai oleh golongan kanak-kanak.

"Sebelum ini saya beli tiga ekor ayam seminggu untuk hidangan sekeluarga. Jadi bila harganya naik, memang saya kena kawal perbelanjaan."

"Jadi saya perlu beralih kepada sumber protein lain seperti ikan dan telur buat sementara waktu," katanya.

Pengguna lain, Mohd Tarmizi Abd Wahab, 55 turut memuji tindakan kerajaan menetapkan harga siling ayam bagi mengengkang kenaikan harga sumber protein tersebut secara berleluasa.

"Baguslah bila kerajaan menetapkan harga siling, bantu urus perbelanjaan lebih mudah," katanya.

Dalam pada itu, Thivyah Muthu, 28 berkata, penetapan harga siling bagi ayam memberikan satu kelegaan kepadanya untuk membeli sumber protein berkenaan kerana harganya setara di tempat-tempat lain.

Bagaimanapun katanya, kerajaan perlu mencari solusi bagi mengengkang bekalan ayam yang didakwa berkurangan pada sesetengah masa.

"Sekarang ini memang ada kekurangan stok, jadi dari segi itu, ini (penetapan harga siling ayam standard) langkah yang bagus," katanya.

## 'Isu subsidi masih belum jelas'

SHAH ALAM - Persekutuan Persatuan-Pemernak Perternak Malaysia (FLFAM) mengahui berdebat kesukaran untuk mematuhi harga siling ayam di pasaran memandangkan ketika ini pihaknya masih belum jelas mengenai isu pemberian subsidi kepada mereka.

Penasihatnya, Datuk Jeffrey Ng berkata, isu pemberian subsidi itu seharusnya diselesaikan terlebih dahulu sebelum pelaksanaan harga siling baharu ayam dibuat pada Jumaat.

Ini kerana katanya, FLFAM tidak mempunyai sebarang masalah untuk mematuhi harga tersebut namun penjelasan mengenai apa yang dipersekat sebelum ini perlu dibuat supaya semua pihak mendapat manfaat yang sepatutnya.

"Sebelum ini, kita sudah berjanji dengan kerajaan akan ikut (harga siling baharu ayam), cuma sampai ke hari ini isu subsidi masih belum jelas. Sepatutnya pihak berkenaan sudah berikan penjelasan mengenai jumlah, perkiraan dan sebagainya."

"Kalau isu mengenai subsidi ini tidak selesai, maka agak sukar untuk pemernak memastikan harga yang ditetapkan itu dipatuhi kerana mereka juga perlu mengambil kira mengenai kos yang ditanggung," katanya demikian ketika diminta mengulas mengenai punca harga ayam berbeza-beza dan tidak mengikut harga siling yang ditetapkan kerajaan.

Mengulas lanjut, Jeffrey berkata, keputusan kerajaan menetapkan harga siling baharu ayam RM9.40 sekilogram dilihat sebagai langkah tepat untuk membantu mengurangkan beban rakyat.

Namun katanya, aspek pelaksanaan khususnya oleh pegawai-pegawai bertanggungjawab perlu diberi perhatian lebih serius.

## Harga siling ayam memadai untuk penternak

KUALA LUMPUR - Penetapan harga siling ayam standard RM9.40 bagi satu kilogram (kg) berkuat kuasa bulan ini dilihat memadai kepada penternak meskipun terdapat desakan agar harga berkenaan dinaikkan melebihi RM10 bagi satu kg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, harga baharu itu dimuktamadkan selepas melalui proses libat urus dengan beberapa pihak berkepentingan termasuk golongan berkenaan.

"Memang wajar dan memadai (harga siling baharu) kerana kita sudah adakan perbincangan serta libat urus dengan penternak dan semasa ke semasa di samping mengetahui masalah yang dihadapi golongan berkenaan akibat cuaca dan faktor geopolitik."

"Kerajaan sentiasa adakan perbincangan dengan golongan penternak untuk mengetahui masalah yang dihadapi, kita faham bukan mereka sahaja hadapi masalah, tetapi kita nak jaga kebajikan pengguna."

"Harga (siling) ini tidak termasuk subsidi ditanggung oleh kerajaan yang diberikan kepada penternak sebanyak



Ahmad (kiri) meninjau barangan yang dijual pada program JTDLMK di Ibu Pejabat FAMA pada Jumaat

RM1.20. Kerajaan terpaksa menanggung RM369 juta dan bermula pada 1 Julai sehingga 31 Ogos ini, harga siling ayam standard kekal pada tahap RM9.40 bagi satu kg," katanya.

Bellau berkata demikian ketika dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLMK) di Ibu Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada Jumaat.

Mengulas mengenai JTDLMK, Ahmad berkata, inisiatif

yang diadakan oleh FAMA dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Malaysia (NAFAS) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) itu bertujuan memberi peluang kepada pengguna untuk mendapatkan harga barangan keperluan secara berpatutan.

Menerusi program ini katanya, pengguna menikmati penjimatan antara lima hingga 10 peratus daripada harga pasaran setempat bagi beberapa produk



Ahmad (dua dari kanan) ketika melancarkan program JTDLMK di Ibu Pejabat FAMA pada Jumaat

terpilih.

"Pemasaran hasil pertanian secara terus kepada pengguna merupakan inisiatif kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan pengeluaran kepada orang tengah."

"Program ini akan diadakan sebanyak 800 kali di seluruh negara dan setakat Jun lalu, 190 program telah berlangsung dengan nilai jualan terkumpul sebanyak RM2.06 juta. Angka tersebut dijangka meningkat seterusnya mencapai nilai sasaran RM10.5 juta," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad turut

menjelaskan, JTDLMK merupakan antara usaha yang dibuat kementerian berkenaan sebelum penganjuran Ekspo Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia 2022 (MAHA 2022) yang bakal berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos ini di MAEPS Serdang.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasaskan hasil jualan pada MAHA 2022 melebihi RM250 juta dengan kunjungan seramai 100,000 orang setiap hari," katanya.

**PEMANTAUAN...**  
Ketua Pegawai  
Penguat Kuasa  
KPDNHEP Pahang,  
Muhamad Radzi  
Iohari (kanan)  
bersama anggotanya  
membuat  
pemeriksaan  
dan pemantauan  
sempena  
pelaksanaan  
Penentuan Harga  
Maksimum Ayam  
dan Telur Ayam di  
Pasaraya TMG Mart,  
Indera Mahkota  
pada Jumaat.



**KUANTAN**



**KUALA TERENGGANU**

**PEMERIKSAAN...**  
Harga siling baharu  
bagi ayam standard  
dijual pada RM9.40  
sekilogram bermula  
semalam semasa  
Pemeriksaan  
Fasa II Ops ATM  
(Ayam, Telur dan  
Minyak Masak)  
oleh KPDNHEP  
Terengganu di  
sebuah pasar raya.



**IPOH**

**MURAH...** Harga jualan ayam di sebuah pasar raya di Ipoh dijual lebih rendah daripada harga siling ditetapkan kerajaan.



**SHAH ALAM**

**BELI...** Orang ramai membeli telur ayam ketika tinjauan di Seksyen 15 Shah Alam pada Jumaat. Harga siling baharu telur ayam bagi gred A iaitu 45 sen sebiji, 43 sen bagi gred B dan 41 sen bagi gred C.



**IPOH**

**SEGAR...** Seorang pekerja kedai Oh Ayamku menunjukkan ayam yang dijual pada harga RM9.40 sekilogram di Bandar Meru Raya semalam.



**BALING**

**PATUH...**  
Kebanyakan  
peniaga menjual  
ayam mengikut  
harga siling  
RM9.40 yang  
ditetapkan ketika  
tinjauan harga  
ayam di Pasar Pagi  
Kupang.



**KUCHING**

**STOK...** Seorang pekerja kilang pemprosesan ayam terkawal di Kuching, Sarawak sedang giat memproses ratusan ekor ayam untuk diedarkan kepada pasar raya sekitar bandar raya pada Jumaat. Tinjauan harga siling ayam dekat pasar raya mendapati, peniaga menjual ayam standard mengikut Satok mendapati, peniaga menjual ayam standard mengikut harga siling RM9.80 dan RM10.80 untuk ayam super yang ditetapkan mulai 1 Julai.



**KUALA TERENGGANU**

**PILIH...**  
Seorang pelanggan membeli ayam mengikut bahagian ketika tinjauan di sebuah pasar raya pada Jumaat.

## Tempoh kuarantin import lembu disingkatkan

**KUALA LUMPUR** - Tempoh kuarantin lembu import dari Thailand disingkatkan kepada tiga hari berbanding 14 hari sebelum ini bagi menampung bekalan lembu sempena Aidiladha.

Menurut sumber, keputusan itu dibuat susulan perbincangan teknikal khas antara pihak berkaitan kedua-dua negara pada 24 Jun.

"Persetujuan bersama dicapai dengan menambah baik prosedur teknikal pengimportan lembu hidup dari Thailand untuk memenuhi keperluan bekalan penyembelihan korban di Malaysia, termasuk meningkatkan tempoh kuarantin," katanya.

Media sebelum ini melaporkan bekalan lembu untuk ibadah korban tahun ini dijangka berkurang sehingga 30 peratus berikutan keengganan Thailand mengeluarkan surat kebenaran eksport lembu ke negara ini.

Anggaran keperluan lembu untuk ibadah korban tahun ini adalah sekitar 38,265 mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih, berbanding anggaran bekalan negara sebanyak 34,896 termasuk 852 yang diimport sehingga Mei lepas.

- *Bernama*

## Ibadah korban dibenar selepas solat sunat Aidiladha

**KUALA LUMPUR** - Ibadah korban dibenarkan bermula selepas solat sunat Aidiladha pada 10 Zulhijjah dan hari-hari tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah 1443H sebelum berakhir waktu Asar.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Datuk Mohd Ajib Ismail berkata, ketetapan itu melibatkan semua masjid dan surau yang berada dalam Wilayah Persekutuan.



**MOHD AJIB**

Menurutnya, pihak yang akan melaksanakan ibadah penyembelihan haiwan korban perlu mematuhi peraturan atau ketetapan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Petugas korban hendaklah mempunyai tahap kesihatan tubuh badan yang baik, tidak menghidap penyakit kronik dan tidak mempunyai gejala Covid-19 seperti batuk, sakit tekak, selesema dan demam.

"Selain itu, peserta juga perlu memastikan tidak mempunyai kontak rapat individu positif Covid-19 serta tidak berada dalam Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order*)," katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Penolong Setiausaha Majlis Raja-Raja, Mohd Aseral Jusman pada Rabu mengisytiharkan umat Islam di seluruh Malaysia akan menyambut Hari Raya Aidiladha pada 10 Julai ini.

Pengumuman rasmi dibuat selepas sesi pencerapan oleh panel falak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di 29 lokasi di seluruh negara, petang Rabu.

## Peniaga perlu pamer harga caj khidmat potong ayam

**KUANTAN** - Peniaga ayam di Pahang yang mengenakan caj perkhidmatan memotong diwajibkan mempamerkan tanda harga yang jelas di premis jualan mereka.

Ketua Pegawai Penguat kuasa Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang, Muhamad Radzi Johan berkata, tindakan mengambil upah memotong tidak menyalahi peraturan ditetapkan, tetapi pengguna berhak membuat pilihan.

"Jika tidak pamer harga pe-

niaga tetap boleh dikenakan tindakan. Bila ada penetapan harga, pengguna boleh memilih sama ada untuk membayar caj lebih bagi tujuan pemotongan ayam atau membeli pada kadar harga ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tindakan segelintir peniaga ayam yang mengenakan caj RM1 bagi tujuan pemotongan ayam yang diproses dan dijual tanpa kepala serta kaki.

Sebelum itu, Muhamad Radzi mengadakan pemeriksaan dan pemantauan sempena pelaksanaan penentuan harga maksimum ayam dan telur ayam (PHMata) di sebuah pasar raya di Indera Mahkota 16, di sini pada Jumaat.

Muhamad Radzi memaklumkan, KPDNHEP Pahang telah membuat pemeriksaan ke atas 26,460 premis perniagaan di seluruh negeri ini.

Jelasnya, daripada jumlah itu, sebanyak 90 kes telah dihasilkan melibatkan nilai rampasan berjumlah RM6,975.98 dan kompaun pula RM11,700.

"Antara kesalahan yang kita ambil tindakan seperti menjual

barangan melebihi harga maksimum yang ditetapkan, tidak mempamerkan tanda harga khas merah jambu dan tiada tanda harga," ujarnya.

Mengulas mengenai usaha KPDNHEP Pahang bagi memastikan bekalan ayam dan minyak masak mencukupi, Muhamad Radzi berkata, seramai 127 pegawai dan anggota penguat kuasa dibantu 97 pegawai pemantau harga sentiasa melakukan pemeriksaan di seluruh Pahang setiap hari.

Tambahnya, Ops Anti Sorok dilancarkan bagi memberi tumpuan khusus kepada peniaga atau pembekal yang tidak amanah.

"Setakat ini, tiada notis bertulis dikeluarkan kepada mana-mana peniaga minyak masak sawit tulen botol kerana mereka masih menjual pada harga lama. "Berdasarkan pemeriksaan, kita dapati keberadaan stok minyak masak di pasaran sebanyak

278,616 kilogram (kg) bagi minyak masak botol dan minyak masak pekat 1kg (123,754kg).

"Jumlah ini mencukupi untuk menampung keperluan penggunaan isi rumah di Pahang," tambahnya.

Muhamad Radzi turut mengingatkan peniaga bahawa tindakan boleh dikenakan jika melanggar peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Menurutnya, sekiranya terdapat aduan atau kesalahan dikesan semasa pemeriksaan harian dilakukan, tindakan dan siasatan di bawah Akta Kawalan

Harga dan Antipencatutan 2011 atau akta Kawalan Bekalan 1961 atau mana-mana akta di bawah KPDNHEP boleh dikenakan.

"Peniaga yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-dua sekali," katanya.



Muhamad Radzi (kanan) ketika membuat pemeriksaan dan pemantauan di sebuah pasar raya di Indera Mahkota 16, Kuantan pada Jumaat.



MUHAMAD RADZI

## Jual ayam, telur lebih harga

12 kes peniaga didapati menjual melebihi harga maksimum

Oleh SAIFULLAH AHMAD IPOH

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak mengesan 12 peniaga yang menjual ayam dan telur ayam melebihi harga ditetapkan ketika melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara menyeluruh di negeri ini.

Pengarahnya, Saifullizah Kamarul Zaman berkata, kes dikesan hasil pemeriksaan yang dijalankan seramai 176 penguat kuasa KPDNHEP susulan penguatkuasaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam mulai 1 Julai 2022 hingga

31 Ogos 2022 dan pengapungan harga minyak masak tulen botol di pasaran.

Jelas beliau, kesemua kes menjual melebihi harga maksimum itu berlaku di daerah Manjung, Ipoh dan Taiping melibatkan 11 kes bagi ayam dan satu kes telur ayam.

"Sepanjang Pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam bermula 5 Februari hingga 30 Jun 2022 di Perak, sebanyak 10,780 premis diperiksa dengan jumlah kes keseluruhan berjumlah 167 kes melibatkan 153 kes tiada tanda harga manakala 12 kes menjual melebihi harga maksimum.

"Nilai sitaan keseluruhan pula membabitkan RM13,073 manakala jumlah keseluruhan kompaun yang dihasilkan bernilai RM28,700," katanya dalam satu kenyataan akhbar pada Jumaat.

Saifullizah berkata, berdasarkan pemeriksaan ke atas bekalan ayam, telur dan minyak masak di seluruh Perak mendapati, keadaan stabil dan mencukupi malah tiada sebarang aktiviti so-



KPDNHEP Perak menggerakkan 176 penguat kuasa susulan penguatkuasaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam mulai 1 Julai 2022 hingga 31 Ogos 2022 dan pengapungan harga minyak masak tulen botol di pasaran.

rok barang kawalan dikesan sepanjang pemeriksaan dilakukan.

Menurutnya, bagi memastikan bekalan barang terutama ayam, telur dan minyak masak sentiasa ada, KPDNHEP Perak akan melakukan pemeriksaan di semua peringkat rantaian iaitu di ladang, pemborong dan peruncit.

Beliau berkata, tindakan itu bagi mengekang peniaga yang tidak beretika daripada meng-

ambil keuntungan secara keterlaluan.

Jelasnya, KPDNHEP Perak juga melaksanakan tindakan kawal selia bekalan ayam, telur dan minyak masak secara harian di setiap peringkat rantaian di bawah Operasi Ayam, Telur dan Minyak Masak (ATM) (Ops ATM) Fasa I mulai 23 hingga 30 Jun 2022.

"Hasilnya, sebanyak 238 pre-

mis diperiksa dan satu kes melibatkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu menjual barang kawalan tanpa lesen yang sah," katanya.

Sementara itu, Saifullizah berkata, tindakan tegas akan diambil termasuk mendakwa mereka berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Namun pengguna bimbang minyak masak naik hingga 40 peratus

# Peniaga patuh harga ayam

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI,  
ISKANDAR SHAH MOHAMED  
dan NUR NAZLINA NADZARI  
utusannews@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Keputusan kerajaan mengekalkan subsidi ayam dan menetapkan harga siling RM9.40 sekilogram melegakan semua pihak dengan tinjauan mendapati peniaga di seluruh negara mematuhi harga

baharu tersebut.

Bagaimanapun, di sebalik kelegaan itu tercetus kebimbangan harga minyak masak dibotol terutamanya bagi lima kilogram (kg) yang mencecah sehingga RM50 sebotol.

Kenaikan harga tersebut selepas kerajaan memansuhkan subsidi minyak masak botol mulai semalam tetapi meneruskan subsidi bentuk paket satu

kilogram.

Tinjauan harga ayam di Pahang, mendapati semua peniaga di pasar-pasar dan pasar raya mematuhi harga kawalan makanan selain berpuas hati dengan penetapan harga baharu tersebut.

Seorang peniaga di Pasar Besar Jerantut, Pahang yang mahu dikenali sebagai Mohamad, 27, berkata, harga siling baharu itu

disifatkan masuk akal berbanding harga sebelum ini RM8.90 bagi sekilogram ayam standard.

"Harga kawalan RM8.90 membebankan peniaga ayam dan apabila ia dinaikkan kepada RM9.40, peniaga sudah boleh menarik nafas lega," katanya semalam.

Seorang lagi peniaga Mariyam Abdullah, 55, berkata, kami kumpulan peniaga mengharap-

kan kestabilan harga ayam berterusan bagi memastikan pelanggan tidak tertekan.

"Kerajaan diharap mampu meneruskan kawalan harga yang 'menang-menang' antara pembekal, peniaga dan pembeli," kata wanita itu yang sudah 20 tahun menjual ayam di Pasar Besar Jerantut.

Bersambung di muka 2

## Peniaga patuh harga ayam

Dari muka 1

Berkuat kuasa 1 Julai, harga siling runcit ayam standard ditetapkan RM9.40 sekilogram bagi Semenanjung selepas kerajaan mengambil keputusan tidak mengapungkan harga ayam, sebaliknya meneruskan pemberian subsidi.

Pada masa sama, harga siling runcit telur ayam turut ditetapkan pada kadar 0.45 sen/biji bagi gred A, gred B (0.43 sen/biji) dan gred C (0.41 sen/biji).

Di **PERLIS**, rata-rata peniaga mendakwa dengan harga siling RM8.90 sekilogram sebelum ini, keuntungan menjual ayam merudum hingga 50 peratus.

Peniaga ayam, Mat Rozi Abdullah, 61, berkata, penetapan harga siling baharu membuatkan peniaga mula tersenyum setelah lama tertekan kerana ayam terpaksa dijual murah sebelum ini.

"Kami juga sudah tidak lagi mengenakan caj pemprosesan dan potong ayam. Semua percuma," katanya.

Rahmah Abdul, 73, pula berkata, pembekal telah menurunkan harga ayam kepada RM7.10 sekilogram sejak kelmarin berbanding RM7.80 sekilogram sebelum ini.

"Kami sambut baik keputusan kerajaan yang berusaha untuk membantu semua pihak termasuk peniaga. Kalau dulu ayam yang kami dapat mahal tetapi dijual murah," katanya.

Di **Selangor**, kerajaan negeri itu bercadang untuk mengekalkan harga siling ayam standard RM8.90 sekilogram di negeri itu.



**Penetapan harga siling baharu membuatkan peniaga mula tersenyum setelah lama tertekan.."**

**MAT ROZI ABDULLAH**

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Izham Hashim berkata, pihaknya akan membincangkan perkara itu secara menyeluruh meliputi faktor kos dan bekalan ayam terutama menjelang satu mesyuarat pada Isnin depan.

"Kita akan cuba mengekalkan harga berkenaan pada RM8.90 berbanding harga siling baharu ketika ini," katanya selepas merasmikan Durian Fest @ Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) di SACC Mall di Shah Alam semalam.

Beliau berkata, bekalan ayam di seluruh Selangor mencukupi untuk sambutan Aidiladha minggu depan.

Sementara itu, semua pasar raya dan kedai runcit di seluruh negara didapati menaikkan harga minyak masak botol melibatkan semua jenama antara 30 hingga 40 peratus bagi setiap botol berat 5kg dan berat 3kg.

Di **PULAU PINANG**, tinjauan di beberapa buah pasar raya mendapati harga minyak masak botol khususnya berat 5kg naik hampir sekali ganda iaitu kepada lebih RM50.

Sebagai contoh, sebuah kedai didapati menjual minyak masak botol 5kg pada harga RM45.85 berbanding hanya sebelum itu RM27.80.

Bagaimanapun, kenaikan setakat ini hanya melibatkan minyak masak 5kg manakala bagi botol 2kg masih dijual pada harga lama iaitu antara RM12 hingga RM20.

Sementara itu, seorang peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Akbar, 40-an, berkata, dia masih menjual minyak masak botol satu dan 2kg pada harga lama kerana barang tersebut masih stok lama.

"Saya tidak pasti berapa harga yang akan dijual selepas ini kerana bergantung kepada harga yang ditawarkan oleh pembekal," katanya.


Situasi sama berlaku di **Selangor** apabila hampir semua kedai dan pasar raya menaikkan harga minyak masak botol.

Namun, harga minyak botol tersebut bergantung kepada jenama di mana ada sesetengah jenama masih kekal dijual pada harga RM29.70 bagi berat 5kg.

Seorang pembeli di Klang yang enggan dikenali berkata, sebagai pembeli mereka tiada pilihan kerana minyak masak keperluan buat isi rumah.

Bagaimanapun, dia berharap kerajaan mencari mekanisme terbaik bagi mengatasi masalah minyak masak terbahit.

"Memandangkan harga minyak masak botol mahal, paling murah pun sekitar RM6 sebotol, kerajaan perlu mengeluarkan lebih banyak minyak peket yang bersubsidi kepada rakyat," katanya semalam.



• PENIAGA di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur mematuhi harga siling baharu ayam iaitu RM9.40 sekilogram yang bermula semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

## Sabah, Sarawak turut selaras harga

Oleh KAMARIAH KHALIDI,  
ROSALINDA MD.SAID, RAJA  
JAAFAR ALI, MOHD. KHAURUL  
ALI, OTHMAN YAHAYA  
dan SYED AZLAN SAYID HIZAR  
utusannews@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Selepas Semenanjung, kerajaan semalam menetapkan harga siling baharu ayam standard bagi Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan pada kadar RM9.40 sehingga RM12.90 sekilogram berkuat kuasa semalam sehingga 31 Ogos depan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam kenyataan memaklumkan, harga siling runcit ayam standard berbeza berdasarkan lokasi bagi negeri Sarawak iaitu RM9.80 sehingga RM12.90 sekilogram manakala bagi Pantai Barat Sabah pada kadar RM11 sekilogram dan Pantai Timur Sabah (RM11.30).

Sementara itu, di Langkawi harga siling bagi sekilogram ayam standard adalah RM9.40 dan Labuan (RM11.30).

Harga siling runcit telur ayam pula pada kadar 0.45 sehingga 0.51 sen sebiji bagi gred A, Gred B (0.43 sehingga 0.50 sen/biji) dan gred C (0.41 sehingga 0.49sen/biji).



• SEORANG pengguna mengambil minyak masak peketa di sebuah pasar raya di Chow Kit, semalam. Hanya minyak masak peketa diberi subsidi kerajaan dan dijual pada harga RM2.50 sekilogram.

Menurut KPDNHEP, keputusan Jemaah Menteri menetapkan harga siling dan subsidi pukal bagi

ayam dan telur dibuat dengan teliti demi kebaikan dan kesejahteraan semua peringkat rakyat.

Ini termasuk penternak, pembekal, peruncit dan pengguna terutamanya golongan B40 dan

“ Dengan pelaksanaan harga siling baharu ini, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM369.5 juta menjadikan jumlah keseluruhan subsidi pukal untuk ayam dan telur adalah sebanyak RM1.1 bilion.”

KPDNHEP

M40 dalam menghadapi masa sukar peningkatan kadar inflasi seluruh dunia yang turut melanda negara ini.

“ Dengan pelaksanaan harga siling baharu ini, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM369.5 juta menjadikan jumlah keseluruhan subsidi pukal untuk ayam dan telur adalah sebanyak RM1.1 bilion sejak 5 Februari lalu,” katanya dalam kenyataan semalam.

**PENIAGA PATUH HARGA SILING BAHARU**

Di **JOHOR BAHRU**, para peniaga ayam patuh dengan harga siling baharu RM9.40 sekilogram yang ditetapkan oleh kerajaan berbanding RM12 sekilogram sebelum ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Kip Mart Tampoi mendapati para peniaga meletakkan tanda harga RM9.40 sekilogram di hadapan gerai masing-masing.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor juga tidak menerima sebarang laporan tentang peniaga yang menjual ayam dan telur melebihi siling baharu ditetapkan.

Pengarahnya, Mohd. Hairul Anuar Bohro berkata, pemeriksaan yang dijalankan pihaknya mendapati peniaga mematuhi harga siling baharu yang ditetapkan kerajaan.

Menurutnya, lokasi tumpuan pemeriksaan adalah pasar basah, pasar awam, pasar tani dan pasar raya bagi memastikan bekalan barang kawalan seperti ayam, telur, minyak masak dan sebagainya mencukupi dan mudah diperoleh.

Mulai semalam juga minyak masak turut dijual tanpa subsidi namun kebanyakan peniaga kedai runcit belum menetapkan harga baharu.

Seorang peniaga kedai runcit di Kipmall Tampoi, Sofian Shafiee 42, berkata, dia perlu menghabiskan stok lama minyak masak yang masih ada sebelum menerima stok baharu minyak masak dengan harga baharu.

"Bagaimanapun minyak masak 5 kilogram habis terjual sebanyak 60 botol sejak semalam, berkemungkinan orang ramai mengambil kesempatan sebelum kenaikan harga baharu," katanya.

**PENIAGA DI SUNGAI PETANI JUAL AYAM RM11 KERANA STOK LAMA**

Di **SUNGAI PETANI**, Peniaga ayam didapati masih menjual ayam proses melebihi RM11 sekilogram namun tiada lagi caj pengprosesan dikenakan seperti sebelum ini.

Menurut peniaga, mereka terpaksa menjual harga RM11 sekilogram kerana tidak mahu kerugian berikutan masih menggunakan stok ayam yang dibeli dengan harga tinggi sebelum ini.

"Stok ayam diperolehi minggu lalu dengan harga yang tinggi dan masih banyak yang ada, jadi saya perlu habiskan bekalan ini dahulu" katanya yang enggan dikenali dan menjangkakan peragaan di pasar pagi Taman Ria Jaya di sini.

Peniaga ayam di Pasar Borong Kampung Atap, Jalan Bekasari



**MENTERI** Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (kanan) bersama Ketua Pengarah Penguatkuasa Kementerian, Datuk Azman Adam (dua dari kanan) membuat pemeriksaan harga siling ayam dan telur di pasar raya Checkers Seksyen 15, Shah Alam, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI



**NORENA** Jaafar (kanan) meninjau gerai peniaga telur ayam di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Bachang, Melaka. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

yang hanya mahu dikenali sebagai Halim juga berkata, dia perlu menghabiskan stok sedia ada dengan menjual RM11 sekilogram semalam.

"Kita bukan menentang harga standard baru yang ditetapkan tetapi tiada pilihan kerana terpaksa habiskan stok sedia ada. Tetapi bagi meringankan beban pengguna kita tidak lagi mengenakan caj proses," katanya.

Sementara itu, peniaga ayam di Jalan Bakar Sampah yang mahu dikenali sebagai Pak Din berkata, mungkin dalam masa

terdekat dia akan kembali menjual ayam berdasarkan harga siling RM9.40 seperti yang diarahkan.

**ADU KEPADA KPDNHEP JIKA BEKALAN MINYAK MASAK BERKURANG**

Di **ARAU**, Peruncit atau peniaga yang berdepan masalah kekurangan minyak masak peket bersubsidi boleh berhubung terus dengan KPDNHEP bagi mendapatkan bekalan bahan kawalan itu.

Pengarahnya, Norazah lapar berkata, pihaknya akan menga-

**“**Stok ayam diperolehi minggu lalu dengan harga yang tinggi dan masih banyak yang ada, jadi saya perlu habiskan bekalan ini dahulu.”

**PENIAGA**

turkan dengan pemborong bagi melakukan penghantaran minyak masak itu kepada pihak terlibat.

Katanya, pengeluaran minyak masak peket bersubsidi di Perlis sememangnya tidak mencukupi bagi menampung permintaan namun pemborong telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan bekalan dari luar.

"Inisiatif ini telah lama digarakan ketika negara mula mengalami krisis bekalan barangan itu sebelum ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas melakukan pemeriksaan sempena Op Ayam, Telur dan Minyak Masak (Op ATM) di Pasar Raya C-Mart di sini semalam.

Tambah Norazah, pada masa ini, orang ramai tidak perlu khuatir kerana bekalan di negeri ini masih mencukupi untuk menampung permintaan rakyat di Perlis.

Mengulas mengenai pasaran

ayam di Perlis, Norazah berkata, hasil tinjauan di beberapa lokasi mendapati bekalan barangan keperluan tersebut juga mencukupi dan melebihi jumlah permintaan.

"Kebanyakan peniaga turut mematuhi penetapan harga siling ayam RM9.40 sekilogram seperti ditetapkan. Kita juga tidak mengeluarkan sebarang kompaun dan hanya menumpukan kepada advokasi secara berhemah bagi memastikan peniaga mematuhi harga yang telah ditetapkan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, bekalan minyak masak dan ayam negeri ini dijangka mencukupi sehingga sambutan perayaan Aidiladha.

"Tinjauan mendapati, bekalan ayam sangat banyak dan saiz ayam pula agak besar. Maklum balas daripada pengguna juga mendapati ayam sangat mudah didapati di pasaran dan jumlahnya lebih banyak daripada biasa," katanya.

**TEMPOH SEMINGGU UNTUK PASUKAN KHAS BUKTIKAN PERANAN**

Di **PETALING JAYA**, Menteri ayam kecil-kecilan memberi tempoh sekurang-kurangnya seminggu kepada Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi untuk melaksanakan perannya dalam menyelesaikan isu kenaikan harga ayam dan telur.

Seorang daripada mereka berkata, penilaian akan dibuat dari semasa ke semasa jika masih tiada sebarang pembaruan dilaksanakan pasukan khas itu.

"Kalau masih tiada apa-apa pelaksanaan, kita akan pertikaikan kembali pasukan itu," katanya ketika dihubungi semalam.

*Utusan Malaysia* semalam melaporkan satu kumpulan penternak ayam kecil-kecilan di negara ini mempersoalkan keberkesanan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi sedangkan penasihat utamanya masih bergantung kepada wakil gergasi industri yang sama sejak sekian lama.

Walaupun ia turut dianggotai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, namun agensi kerajaan itu bergantung kepada input industri yang dibekalkan oleh peratuan penternak tersebut yang terdiri daripada pemain-pemain gergasi swasta industri ayam.

Justeru kata sumber, bagaimana mungkin pasukan khas itu dapat beroperasi dengan lancar untuk mengawal industri ayam dan telur, sedangkan pihak swasta yang memikikan laba dan keuntungan semata-mata tanpa memperdulikan soal kebajikan rakyat.

## Elak ayam, telur jadi makanan 'mampu tengok' sahaja

**SAUDARA PENGARANG,**

**ISU** pandemik inflasi sepatutnya dijadikan keutamaan wajib untuk semua pihak dalam kerajaan dan bukannya menekan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob supaya membubarkan Parlimen.

Tiada sebab munasabah untuk langkah itu dibuat kerana hanya bethaki kira-kira setahun lagi sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) mesti diadakan.

PRU15 pada waktu sekarang bukanlah suatu keperluan mendesak bagi rakyat. Sebaiknya ia hanya penting kepada sebilangan individu yang terbabit dalam episod sandiwara politik dan juga bagi faedah pemimpin tertentu yang sedang menghadapi masa depan gelap.

Masa depan kerjaya politik golongan berkenaan umpama tiada cahaya di penghujung terowong, maka jalan terbaik adalah diadakan PRU15.

Mendapatkan mandat baharu menerusi PRU adalah sesuatu yang dituntut serta praktikal menurut kehendak Perlembagaan Persekutuan tetapi ia tidak terpakai jika sekadar 'melepaskan tengkuk' pihak tertentu dengan menjadikan isu kesempitan hidup rakyat sebagai modal.

Tiada jaminan pandemik inflasi dapat diselesaikan selepas diadakan PRU15 malah dikhuatiri menjadi lebih parah akibat kedudukan kuasa politik yang tidak seimbang.

Beri ruang sewajarnya kepada Perdana Menteri dalam menangani masalah rakyat yang semakin meruncing dan bakal lebih genting untuk beberapa bulan mendatang akibat tempas ekonomi global.

Justeru, tumpuan kerajaan adalah bagi menangani isu kenaikan kos seperti ayam dan telur dalam jangka masa panjang bagi mengelak ia sekadar menjadi makanan 'mampu tengok' bagi golongan berpendapatan rendah (B40).

**RAHMAD ISAHAK**  
Aktivis politik



**TIADA** jaminan pandemik inflasi dapat diselesaikan selepas diadakan PRU15.

# Making sacrifices to survive

Health and education take back seat to ensure essential needs met

By **FATIMAH ZAINAL**  
fatimah@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** With inflation adding hundreds of ringgit to household expenses, some families have been forced to make major sacrifices to their health, and sometimes even to their children's education needs, just to cope.

Some parents have stopped their children's tuition classes or school bus services while others have resorted to eating foods high in carbohydrates and sugar while saving the more nutritious meats for their schoolgoing children.

Housewife Nur Raihan Mohd Rafi, 42, is one of them.

Her husband is a technician and his single income supports Nur Raihan as well as their three children between the ages of five and 16.

"Since the pandemic, we can barely afford to buy fresh groceries, chicken and eggs as well as rice and cooking oil.

"Forget about beef, I haven't bought it in years.

"As the prices of goods, especially chicken, eggs and cooking oil have become more expensive, my husband and I will eat the cheapest food possible and save the rest for our kids.

"For example, if I make a chicken dish, my kids will eat the chicken while my husband and I will have instant noodles, plain rice with egg and soy sauce or bread.

"As long as our growing children can have healthy home-cooked food, we don't mind making these sacrifices," said Nur Raihan, who also sells cookies part-time.

She added that her children do not take vitamins or health supplements as they are unable to afford them.

While her family has never been comfortable financially, it got worse this year as the prices of goods increased, and the family has not travelled anywhere for holidays.

"Just forget about taking any trips. We have to think three times about buying fast food as a treat for our children when they do well in their exams.

"We are really feeling the pinch,



**Each ringgit counts:** For families struggling with the price increases, much thought is put into how to stretch the ringgit further when buying daily necessities. — RONNIE CHIN/The Star

From my calculation, we need about RM300 to RM400 extra per month," said Nur Raihan, who stays in a people's housing project (PPR) unit.

She also said that her two children who are in secondary school no longer take the school bus and would now hitch a ride with their friends while she would walk her five-year-old daughter to the kindergarten nearby.

"My two oldest kids are at that age where some of their friends have a motorcycle licence, so they go with them to school this year.

"It's quite safe but I do worry about them loitering instead of coming back home after school," she added.

Single mother Rohaida Abdul Ghani, 39, had to stop sending her 17-year-old for tuition classes although he will be sitting for his Sijil Pelajaran Malaysia exam this year.

She said the cost, which is above RM200, was too steep, considering that she also has to pay for an after-school child minder to look after her two other children, aged 12 and eight.

"I only managed to send him for tuition for two months this year before I explained to him that I didn't think it was possible for me to pay anymore.

"Thankfully, he understands and told me not to worry as his school is providing extra classes weekly and there are also online YouTube lessons he can follow," said Rohaida.

Rohaida, who works as a school administrative assistant, said rent, groceries and childcare take a big chunk out of her salary and she barely has any money to save at the end of the month.

Since divorcing her husband five years ago, she has been paying all the bills herself.

"But lately, it's getting even harder as things are more expensive.

"My children eat outside food a lot because I'm working and on days that I don't have time to cook before leaving for work, I have to give them RM15 each to buy food at school and after school.

"They take a school van so that also costs a lot of money but I have no choice as I can't send them and pick them up," she added.

An accounts clerk and mother of two who only wanted to be known as Sim, 41, said she was contemplating whether to discontinue her daughter and son's after-school care and tuition class, which cost RM860 a month.

"As a single mother, it has been quite challenging to pay the bills while ensuring my children get what they need.

"I have been paying more for groceries this year. With price increases, I will have to switch to cheaper brands for items like milk, noodles and rice to keep my expenses in check," she said.

Sim also said she was planning to ask her mother if she could help care for her children, aged 10 and 12, while she is at work.

"If she is okay, I will pay her a stipend on top of the monthly household money," she added.

Human resources executive N. Jyothi, 29, said she has also been eating more unhealthy food in order to stay full at work.

"All the vendors are increasing their prices. I limit myself to eating out three times a week while the rest of the time I will eat at home.

"I send money back to my mum in Pahang as my parents are elderly and not working, so I have to save as much as I can," said Jyothi, adding that she also has student and personal loans to pay off.

She said that she often eats instant noodles, bread and frozen food that can be air-fried easily.

"I really hope the government can do something soon to intervene.

"I'm single and can barely get by. I don't know how families with many kids are surviving," she added.

## 'New ceiling price a win-win situation'

**KUALA LUMPUR:** The ceiling price for the sale of chicken is a win-win situation for consumers and breeders, says Deputy Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah.

He said the government, through the Agriculture and Food Industry Ministry, would always conduct discussions with industry stakeholders to find out the problems they faced and at the same time, ensure the interests of consumers are protected.

"The government has set a ceiling price of RM9.40 and is providing a subsidy of RM1.20 to breeders for each kg of chicken.

"The total subsidies allocated are estimated to be RM369mil," he said after launching the Keluarga Malaysia Direct From Farm Sale at the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) headquarters in Selayang yesterday, reported Bernama.

Ahmad said the government realised the current challenges faced by the industry, especially with regard to the rising costs of farming, were due to uncontrollable factors.

"We are not only facing weather issues but also unstable geopolitical problems such as the Russia-Ukraine war. The government understands that's why we are providing subsidies," he said, adding that the supply of chicken was still adequate.

Ahmad said the move to abolish the Approved Permit (AP) to import chicken was good as it helped stabilise supply.

"To import and ensure we have adequate supply, we need to give opportunities to other parties," he said.

On the sales programme, he said it gave consumers the opportunity to obtain necessities like chicken, fish, vegetables and fruits at affordable prices.

He added that the products were sold at an average discount of 10%. The programme is expected to benefit over 420,000 consumers.

The ministry has targeted sales of over RM10.5mil under the programme.

## CAP cries foul over high chicken prices

**PETALING JAYA:** Chicken sellers are openly flouting the ceiling price of RM9.40 per kg, and selling the birds at between RM10.50 and RM11 per kg, claims the Consumers' Association of Penang (CAP).

Although they had boards displaying the old price, they are selling the chickens at RM11 per kg, with at least one selling at RM12 per kg, said CAP education officer NV Subbarow.

He said CAP had done a survey on five markets in Penang and there seemed to be ample supply of chicken in the market despite earlier complaints of shortages.

"Domestic Trade and Consumers Affairs Ministry enforcement officers should do their rounds at these markets," said Subbarow.

Kampung chicken, he said, was being sold at between RM20 and RM22 per kg.

"The rise in essential food products such as cooking oil and eggs has caused distress to many families and the government should take measures to control prices," he added.

Penang Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement chief Mogan Arumugam said CAP should provide details of the survey for the enforcement unit to take action.

"We will not allow traders to flout the law, but can only take action if details are provided.

"Nevertheless, we will investigate CAP's claims of high chicken prices," he added.

# PENIAGA, PEMBELI TAK 'BISING'

Penetapan harga siling ayam RM9.40 tangani caj tambahan

Oleh Hafidzul Hlmi Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiada lagi caj tambahan untuk upah potong ayam dikenakan peniaga, malah beberapa pasar raya di sekitar ibu kota masih ada yang menjual harga ayam mengikut harga siling lama - RM8.90.

Itu hasil tinjauan Harian Metro bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang mendapati peniaga berpuas hati dengan penetapan harga siling ayam RM9.40 yang berkuat kuasa semalam.

Pengarah KPDNHEP Kuala Lumpur Ariffin Samsudin berkata, tinjauan itu mendapati peniaga tidak lagi mengenakan caj tambahan berbanding sebelum ini bagi menampung kos mereka.

"Sehingga jam 10 pagi, kami juga tidak menerima sebarang aduan berhubung harga ayam yang terlalu tinggi daripada pengguna.

"Tiada juga aduan daripada peniaga berhubung pembekal mengenakan caj yang tinggi kepada mereka," katanya ketika ditemui selepas tinjauan terbabit, semalam.

Ariffin turut memuji beberapa pasar raya di sekitar ibu kota yang masih menjual harga ayam mengikut harga siling lama.

"Ini kita patut puji, mereka ini bersama-sama dengan kerajaan membantu dan sensitif dengan apa yang berlaku.

"Dari segi bekalan juga kita dapati tidak ada masalah, bekalan ayam di sekitar ibu kota dilihat mencukupi," katanya.

Mengulas berhubung minyak masak paket satu kilogram (kg) bersubsidi pula, beliau berkata, minggu ini sebanyak 48 tan minyak masak paket diedarkan di seluruh pasar dan pasar raya sekitar bandar raya ini.

"Setiap awal bulan (1 hari bulan) stok akan ditambah, kebiasaannya kilang akan menghantar stok selepas jam 10 pagi dan akan di-



ARIFFIN (kanan) membuat lawatan pemeriksaan berikutan penetapan harga baharu ayam dan telur berkuat kuasa semalam di Pasar Awam Chow Kit. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE



Kami juga tidak menerima sebarang aduan berhubung harga ayam yang terlalu tinggi daripada pengguna. Tiada juga aduan daripada peniaga berhubung pembekal mengenakan caj yang tinggi kepada mereka"

Ariffin

edarkan.

"Kita boleh lihat pertambahan stok selepas tengah hari ini (semalam) selepas pengilang siap mengedarkan minyak masak berke-



MINYAK masak tidak mengalami masalah bekalan ketika siling...

## Peniaga ayam akur harga siling

**Kota Bharu:** Peniaga di daerah ini didapati menjual ayam pada harga antara RM8.50 hingga RM8.70 sekilogram di bawah harga siling baharu ditetapkan kerajaan iaitu RM9.40 sekilogram.

Tinjauan ke beberapa pasar basah di sini, semalam mendapati peniaga akur dengan arahan dan mengakui menerima bekalan ayam pada harga lebih murah berbanding sebelum ini.

Peniaga, Mohd Hishamuddin Yusof, 32, berkata, kedainya mula didatangi pembeli terdiri daripada suri rumah dan juga pengusaha kedai makan seawal jam 7.30 pagi.

Menurutnya, jumlah pembeli dilihat lebih ramai berbanding hari biasa ke-



Sebagai peniaga ayam, saya menurut sahaja keputusan kerajaan asalkan harga yang ditetapkan masih 'masuk akal'

Mohd Hishamuddin

rana mungkin ada pelanggan mahu melihat perbezaan harga ayam selepas harga siling baharu ditetapkan berkuat kuasa semalam.

"Ada yang menyambut baik pengumuman terbabit, tidak kurang juga masih berharap agar kerajaan menurunkan harga siling

ayam kerana beranggapan harga sekarang masih tinggi berbanding beberapa tahun lalu.

"Sebagai peniaga ayam, saya menurut sahaja keputusan kerajaan asalkan harga yang ditetapkan masih 'masuk akal' dan boleh memberi sedikit keuntungan kepada peniaga," katanya ketika ditemui di Pasar Siti Khadijah, di sini.

Peniaga lain Marzuki Hashim, 49, berkata, harga sekilogram ayam ditentukan berdasarkan harga tolak yang diberikan pembekal.

"Sejak seminggu lalu, harga ayam dilihat lebih stabil, malah bekalan juga sentiasa berbeza dengan situasi sebelum ini," katanya. Pembeli, Roslina Abd

Hamid, 59, berkata, dia menyambut baik penetapan harga siling baharu, tetapi masih berharap agar harga boleh diturunkan lagi kerana golongan B40 seperti yang menganggap ia masih mahal.

"Ayam sebenarnya lauk yang wajib ada di setiap rumah, walaupun ia mahal, kami terpaksa juga beli. Tetapi, ketika krisis harga ayam terlalu tinggi berlaku, baru-baru ini, saya mengambil inisiatif menukarkan lauk pauk lain selain ayam.

"Saya harap peniaga menjualnya mengikut saranan kerajaan tanpa mengambil tindakan sendiri dengan menaikkan harga ayam sesuka hati sehingga menyusahkan pembeli," katanya.

## Harga ayam segar Johor Bahru RM9.90

**Johor Bahru:** Harga ayam segar di bandar raya ini dijual pada harga RM9.90 sekilogram, 50 sen melebihi daripada harga siling RM9.40 yang dikuatkuasakan mulai semalam.

Tinjauan di pasar basah di Pandan di sini mendapati harga ayam segar itu dijual dengan caj pemotongan 50 sen dikenakan.

Peniaga ayam segar, Hafizul Mohamad, 40, berkata, faktor kos bahan mentah serta operasi ditanggung peniaga yang masih tinggi menyebabkan caj pemotongan ayam 50 sen bagi setiap kilogram ayam segar terpaksa dikenakan terhadap pengguna.

Katanya, dia berusaha sedaya upaya memahabi har-

ga siling ayam segar yang ditetapkan namun terpaksa mengenakan caj pemotongan bagi menyerap kos bahan mentah dan operasi.

"Saya memang seboleh-bolehnya mahu mengikut harga siling RM9.40 sekilogram yang dikuatkuasakan mulai hari ini (semalam) namun pengiraan antara kos bahan mentah serta operasi yang ditanggung masih tinggi dan berada pada margin kerugian.

"Atas faktor itu, saya mengenakan caj pemotongan 50 sen menjadikan harga ayam segar RM9.90 setiap kilogram. Harga ayam ketika ini lebih murah berbanding bulan lalu kerana ketika itu, ayam segar dijual RM12 sekilogram," katanya.

# UNTUNG RM1.2 JUTA!

Susulan peningkatan harga telur ayam sebanyak empat sen

Oleh Muhammad Saufi  
Hassansaufi@mediapri-  
ma.com.my

Kuala Lumpur

**K**euntungan melebihi RM1.2 juta sehari untuk peniaga yang menyimpan stok telur susulan kenaikan empat sen bermula semalam.

Susulan kenaikan bahan mentah itu sebanyak empat sen, peniaga yang menyimpan stok itu mampu untuk memperoleh keuntungan RM1.2 juta. Rakyat Malaysia yang berjumlah kira-kira 32 juta memerlukan 11.5 bilion biji telur setahun.

Ini berdasarkan anggaran kira-kira 31 juta biji telur diperlukan setiap hari bagi memenuhi keperluan permintaan bahan makanan ini. Berdasarkan data yang diperoleh menunjukkan, keperluan rakyat negara ini terhadap telur ayam ialah sekitar 21 kilogram atau 361 biji setahun untuk setiap individu.

Pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjoi Bardai berkata, jika dikira menerusi penggunaan setiap hari, peniaga yang menyimpan stok



ORANG ramai membeli telur ayam di sebuah pasar raya di Shah Alam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

telur dalam kuantiti yang banyak akan dapat pulangan keuntungan berjumlah RM1.2 juta.

"Telur ini adalah bahan mentah mudah rosak, ia tidak boleh disimpan dalam tempoh yang terlalu lama dan saya merasakan tempoh 10 hari adalah yang paling lama bagi peniaga untuk menyimpan stok ini sebe-

lum ia rosak.

"Untuk itu, peniaga akan dapat keuntungan RM1.2 juta sehari atau RM12 juta untuk tempoh 10 hari dan ia masih tidak terlalu besar jika dibandingkan dengan minyak masak," katanya.

Beliau berkata, untuk menampung keperluan semasa, dianggarkan kira-kira 672,000 tan metrik telur di-

perlukan untuk setahun.

"Ketika ini, jumlah ditawarkan tidak mampu memenuhi permintaan pasaran. Saya juga menjangkakan harga telur dan ayam akan naik memandangkan kos penghasilan bahan makanan ayam adalah sekitar 70 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran," katanya.

## Rasional di sebalik penetapan harga siling baharu

**Putrajaya:** Keputusan Jemaah Menteri menetapkan harga siling dan subsidi pulak bagi ayam dan telur dibuat dengan teliti demi kebaikan dan kesejahteraan semua peringkat rakyat dalam menghadapi peningkatan inflasi seluruh dunia yang turut melanda Malaysia, kata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Ini termasuk penternak, pembekal, peruncit dan pengguna terutama golongan B40 dan M40, menurut Kementerian itu dalam kenyataan semalam.

Kerajaan menetapkan harga siling baharu di Semenanjung Malaysia bagi ayam bulat standard pada RM9.40 sekilogram manakala harga telur ayam bagi gred A pada 45 sen sebiji, gred B (43 sen sebiji) dan gred C (41 sen sebiji), berkuat kuasa semalam (1 Julai) untuk tempoh dua bulan.

Harga siling ayam di Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan juga berkuat kuasa semalam untuk tempoh dua bulan iaitu RM9.90 sekilogram di Langkawi,



KPDNHEP akan terus bersama kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat"

KPDNHEP

RM11 hingga RM11.30 di Sabah, RM9.80 hingga RM12.90 di Sarawak dan RM11.30 di Labuan.

Bagi telur ayam pula, harga gred A ditetapkan pada 47 sen sebiji di Sarawak kecuali Limbang dan Lawas pada 49 sen sebiji, gred B (45 sen hingga 48 sen sebiji), gred C (43 sen hingga 46 sen sebiji); di Sabah pada 50 sen hingga 51 sen sebiji bagi gred A, gred B (49 sen hingga 50 sen sebiji) dan gred C (48 sen hingga 49 sen sebiji).

Di Labuan pula, harga telur gred A ditetapkan pada 51 sen sebiji, gred B (50 sen sebiji) dan gred C (49 sen sebiji).

KPDNHEP berkata, harga siling baharu itu adalah manifestasi keprihatinan kerajaan untuk membantu mengurangkan bebanan kos sa-



KERAJAAN menetapkan harga siling baharu di Semenanjung Malaysia bagi ayam bulat standard pada RM9.40 sekilogram. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

ra hidup rakyat semua peringkat di samping mengekalkan tahap nutrisi dan kesihatan keluarga Malaysia untuk mendapatkan sumber protein yang diperlukan.

"Dengan pelaksanaan harga siling baharu ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM369.5 juta menjadikan jumlah keseluruhan subsidi pulak untuk ayam dan telur adalah sebanyak RM1.1 bilion sejak 5 Februari 2022," kata KPDNHEP.

Sebelum ini, kerajaan menetapkan harga maksimum

runcit ayam dan telur bagi Semenanjung Malaysia bagi ayam bulat standard adalah pada RM8.90 sekilogram, dan harga maksimum telur ayam gred A ditetapkan pada 43 sen sebiji, telur ayam gred B pada 41 sen sebiji dan telur ayam gred C pada 39 sen sebiji.

KPDNHEP berkata, ia akan terus meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dengan menggerakkan 2,200 pegawai penguat kuasa di seluruh negara bagi memastikan bekalan men-

cukupi dan penternak, pemborong dan peruncit mematuhi harga siling baharu yang ditetapkan di semua peringkat rantaian.

Katanya, Op ATM (Op Ayam, Telur dan Minyak Masak) akan diteruskan bagi memastikan bekalan ayam, telur dan minyak masak sentiasa mencukupi dan stabil di pasaran.

"Op Samar juga akan dilakukannya iaitu pegawai penguat kuasa akan melaksanakan operasi tanpa memakai pakaian seragam dan kenderaan Kementerian serta melakukan ujian pembelian bagi memastikan peniaga patuh kepada undang-undang terutama harga, harga dan tanda harga," katanya.

Menurut KPDNHEP, ia yakin tahap pematuhan di peringkat peniaga terutama peruncit akan kekal tinggi seperti pada penetapan harga siling dan harga maksimum sebelumnya.

Katanya, sebanyak 80,179 pemeriksaan telah dijalankan di premis menjual ayam dan telur sehingga 31 Mei lepas menyaksikan pematuhan melebihi 99 peratus de-

ngan hanya membabitkan 121 kes.

Bagi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 serta Akta Kawalan Barang (AKB) 1961 pula, KPDNHEP berkata sebanyak 846,686 premis di seluruh negara telah didapati tinggi melebihi 99 peratus dengan AKHAP 2011 dan 615 kes membabitkan AKB 1961.

Katanya, tindakan terhadap peniaga akan diambil sekiranya mereka didapati tidak beretika, senjaja melanggar undang-undang yang mencatut atau berkomplot secara kartel senjaja dengan punca kuasa yang diberikan kepada Kementerian melalui AKHAP 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Persaingan 2010.

"KPDNHEP akan terus bersama kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat secara holistik dan tuntas meliputi semua barangan kawalan dan subsidi termasuk minyak masak, petrol, diesel, LPG (gas petroleum cecair), tepung dan gula," katanya.

<b>TARIKH</b>	<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
02.07.2022	HARIAN METRO	LOKAL	20

Oleh Syaherah Mustafa  
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

# TUAH SI TOYOL!

*Pengusaha kedai dobi berhabis ribuan ringgit sebulan bela 40 kucing sejak 12 tahun lalu*

Hobi 'suka-suka' memelihara seekor kucing jalanan mengubah kehidupan seorang lelaki apabila kini memiliki 40 ekor kucing termasuk baka berharga ribuan ringgit sejak 12 tahun lalu.

Pengusaha kedai dobi Wan Mohd Nasoha Wan Mohd Zain, 38, yang mengaku jatuh cinta dengan telatah manja haiwan berkenaan berkata, dia sanggup berhabis ribuan ringgit sebulan bagi memastikan kesemua 'anak bulus' dalam keadaan terjaga kerana hobi itu boleh dijadikan terapi untuk mengurangkan tekanan kehidupan.

Menurutnya, dia kini mempunyai kucing baka seperti Cornish Rex, Parsian, Exotic Shorthair, Munchkin, British Shorthair dan Sphynx yang ditempatkan di ruangan khusus berpenghawa dingin walaupun bermula dengan hanya memelihara kucing jalanan.



MOHD Nasoha memberi makan kepada kucing peliharaannya.

Wan Mohd Nasoha berkata, lebih mengembirakan apabila kucingnya berjaya memenangi beberapa kategori yang dipertandingan termasuk di peringkat antarabangsa.

Katanya, kucing jalannya yang diberi nama Toyol agak bertuah kerana mampu mendapat tempat dalam pertandingan di peringkat antarabangsa.

"Toyol sangat istimewa di hati saya kerana mempunyai keunikan tersendiri yang membolehkan dia mendapat tempat ketiga dalam pertandingan The Cat Fancier's Association di ibu negara pada 2018 bagi kategori Hobbies Pet.

"Sebenarnya, nak jaga kucing perlu kesabaran tinggi selain kewangan juga harus kukuh kerana haiwan ini memerlukan makanan dan rawatan untuk kekal sihat.

"Berikutan itu, saya berasa sedih setiap kali melihat kes penderaan haiwan peliharaan khususnya kucing dan berharap orang ramai lebih peka serta menyayangi haiwan berkenaan yang dianggap istimewa," katanya.

"Bagi memastikan kesemua kucing terjaga rapi, saya belajar cara mendandan haiwan berkenaan selain memastikan mereka berasa selesa serta sihat.

"Sepanjang memelihara kucing juga, saya berpeluang menjelajah ke seluruh negara seperti ke Kuala Lumpur, Johor, Pahang, Pulau Pinang dan Melaka semata-mata untuk menyertai pertandingan sekaligus gus menimba pelbagai pengalaman," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Chicha, Kubang Kerian di sini, kelmarin.



MOHD Nasoha bermain dengan kucing peliharaannya.

ANTARA baka kucing milik Mohd Nasoha.





# Peniaga patuh harga siling baharu ayam

**Kuala Lumpur:** Rata-rata peniaga ayam di kebanyakan negeri didapati akur dengan penetapan harga siling runcit ayam standard yang ditetapkan kerajaan iaitu RM9.40 sekilogram mulai semalam, malah ada yang menjualnya lebih murah

daripada itu.

Tinjauan *BH* di beberapa pasar di sekitar ibu kota, Kelantan, Terengganu, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mendapati peniaga menjual pada harga kurang RM9.40 sekg, kecuali pasar basah di Pandan, Johor

Bahru yang dijual pada harga RM9.90 sekilogram, iaitu 50 sen melebihi harga siling untuk caj pemotongan.

Peniaga di Kota Bharu didapati menjual ayam dengan harga sekitar RM8.50 sehingga RM8.70 sekilogram disebabkan

menerima bekalan ayam daripada pembekal dengan harga yang lebih murah berbanding sebelum ini, manakala ada pasar raya di Ipoh menjual pada harga RM7.90 sekilogram.

**Nasional 4**

## Bekalan di semua negeri sudah kembali pulih

*Dari Muka 1*

Di Terengganu, ada peniaga di Kampung Gong Pauh mengekalkan harga seperti ditetapkan mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) iaitu RM8.90 sekilogram dan tidak mengenakan bayaran tambahan untuk kos memotong atau plastik.

Peniaga terbabit mengakui tidak mengenakan harga siling runcit ayam standard ditetapkan kerajaan iaitu RM9.40 sekilogram kerana memperoleh bekalan di peringkat ladang pada harga RM6 sekilogram.

Peniaga ayam di Georgetown, Pulau Pinang juga mengakui mula menerima bekalan ayam pada harga RM8.40 daripada pembekal mulai semalam, berbanding RM9 sebelum ini.

Tinjauan *BH* juga mendapati bekalan ayam di hampir semua pasar

dan pasar raya utama di semua negeri sudah kembali pulih dan tidak berlaku kekecohan seperti yang berlaku di beberapa negeri bulan lalu.

Peniaga ayam di Pasar Chow Kit di sini menjual ayam segar pada RM9.40 sekilogram berbanding sebelum ini ada yang mencecah RM10 dengan mengambil upah potong sebanyak RM1.10.

Pekerja gerai ayam di pasar itu, Dharma Sahputra, 29, berkata dengan harga siling baharu yang ditetapkan kerajaan, dia dapat untung sebanyak 90 sen bagi setiap kilogram ayam.

"Kita perlu patuh kepada keputusan kerajaan walaupun untung kurang sedikit berbanding harga sebelumnya.

"Sebelum ini harga ayam memang ditetapkan RM8.90 tapi tidak termasuk dengan upah potong ayam. Tapi untuk harga baharu ditetapkan kerajaan memang termasuk upah," katanya.

Peniaga di pasar basah Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Mohd Hishamudin Yusof, 32, berkata jumlah pembeli semalam lebih ramai berbanding sebelum ini.

"Mungkin ada antara pelanggan yang turun sendiri ke pasar melihat perbandingan harga ayam selepas harga siling yang baharu dilaksanakan. Kebanyakan pembeli menyambut baik pengumuman itu, tidak kurang juga berharap kerajaan dapat menukarkan harga siling ayam lagi kerana disifatkan masih tinggi.

"Sebagai peniaga ayam, saya menurut sahaja keputusan kerajaan asalkan harga yang ditetapkan masih 'masuk akal' dan boleh memberi sedikit keuntungan," katanya.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar, berkata berdasarkan pemeriksaan semalam, ramai peniaga mematuhi harga seperti yang diumumkan, iaitu RM9.40 sekilogram.

"Namun ada peniaga seperti di Pasar Besar Sena Kangar masih menjual dengan harga siling lama iaitu RM8.90 sekilogram," katanya.

Peniaga ayam segar di pasar basah di Pandan, Johor Bahru, Hafizul Mohamad, 40, menjelaskan kos bahan mentah dan operasi yang masih tinggi menyebabkan caj pemotongan ayam 50 sen dikenakan terhadap pengguna bagi setiap kilogram ayam segar.

"Saya mahu ikut harga siling RM9.40, namun apabila dikira saya dapati kos bahan mentah serta operasi ditanggung masih tinggi dan berada pada margin kerugian. Atas faktor itu, saya kenakan caj pemotongan 50 sen menjadikan harga ayam segar RM9.90 setiap kg," katanya.

Harga ayam di Johor dipercayai mulai turun dan semakin stabil berikutan keputusan kerajaan mengenakan larangan import ayam ke Singapura.

Sementara itu, pemborong ayam di Johor Bahru, Johnny Lee Kim Leong, berkata faktor dedak ayam dan kos operasi penternakan ayam yang kekal tinggi menyebabkan harga ayam segar sukar diturunkan.

Bagaimanapun, katanya, bekalan ayam segar yang mulai pulih diharap mampu menstabilkan harga bahan mentah itu supaya tidak terlalu tinggi selepas ini.



Dharma Sahputra

# Harga siling ayam jaga kepentingan semua pihak

Usaha pastikan peniaga raih untung, pengguna mampu beli pada harga patut

Oleh Mohamed Farid Noh, Babarom Bakar, Aizat Sharif, Zuhainy Zulkiffli, Syaherah Mustafa, Ercy Gracella Ajos dan Azhar Shahrulnizam  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Kerajaan mengambil kira kepentingan semua pihak khususnya penternak, peniaga dan pengguna sebelum menetapkan harga siling baharu ayam pada RM9.40 sekilogram (kg) bagi Semenanjung, berkuat kuasa semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, menegaskan harga siling baharu itu ditetapkan selepas perjumpaan dengan pelbagai pi-

hak, khususnya penggiat industri selain pengiraan margin untung rugi oleh Kementerian.

"Usaha itu bagi memastikan penternak dan peniaga masih meraih keuntungan, pengguna pula mampu mendapat harga ayam yang berpatutan. Walaupun tidak semua peniaga berpuas hati, keputusan perlu dibuat bagi melindungi semua pihak dan menjamin bekalan rantaian ayam pada masa hadapan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau harga barang di Pasaraya Checkers di Seksyen 15, di sini semalam, beliau berkata, tinjauannya di Pasar Moden Seksyen 6, di sini mendapati majoriti peniaga ayam berpuas hati dengan harga siling baharu, sekali gus tidak perlu lagi caj potong bagi meraih untung.

"Saya juga bertanya beberapa pengguna yang membeli (ayam), mereka pun kata, dalam keadaan sekarang, (harga ayam) boleh diterima," katanya.

Terdahulu pada Rabu lalu, beliau mengumumkan harga siling baharu bagi ayam bulat standard dan telur ayam gred A, B dan C



Alexander ketika membuat pemeriksaan harga siling ayam dan telur ayam di Pasaraya Checkers di Seksyen 15, Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

berkuat kuasa semalam untuk tempoh dua bulan. Harga siling baharu ayam standard RM9.40 lkg, telur ayam A (45 sen sebiji), B (43 sen sebiji) dan C (41 sen sebiji).

Dalam kenyataan semalam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan, harga siling ayam di Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan juga berkuat kuasa semalam untuk tempoh dua bulan.

Harga siling RM9.90 lkg ditetapkan bagi Langkawi, RM11 hingga RM11.30 di Sabah, RM9.80 hingga RM12.90 di Sarawak dan RM11.30 di Labuan.

Bagi telur ayam pula, gred A ditetapkan 47 sen sebiji di Sarawak kecuali Limbang dan Lawas pada 49 sen sebiji, gred B (45 sen hingga 48 sen sebiji), gred C (43 sen hingga 46 sen sebiji); di Sabah pada 50 sen hingga 51 sen sebiji bagi gred A, gred B (49 sen hingga 50 sen sebiji) dan gred C (48 sen hingga 49 sen sebiji).

Di Labuan pula, harga telur gred A ditetapkan pada 51 sen sebiji, gred B (50 sen sebiji) dan gred C (49 sen sebiji).

Sementara itu, Alexander berkata, KPDNHEP akan mengambil tindakan ke atas mana-mana peniaga yang tidak mempamerkan caj tambahan upah memotong ayam.

"Peniaga perlu lebih bertanggungjawab, kalau kenakan caj, perlu pamer caj itu untuk pengguna tahu akan ada caj lebih. Kalau ada aduan dan bila kita siasat dan dapati caj itu tidak berpatutan, kita akan ambil tindakan. Sekarang, kita pantau dan harap peniaga beretika, jangan kaut untung tidak berpatutan."

"Kita juga harap pengguna tahu hak mereka. Jika tidak mahu bayar lebih, tidak perlu dipotong (ayam), itu nasihat saya, tapi terpuang kepada pengguna," katanya menegaskan, peniaga tidak sepatutnya mengenakan caj tambahan kerana sudah ada harga

siling baharu lebih tinggi berbanding sebelum ini.

"Sepatutnya tiada lagi alasan (kenakan caj tambahan) sebab harga yang KPDNHEP tetapkan kali ini sudah mengambil kira margin yang mencukupi untuk mereka tidak perlu mengenakan caj lebih. Kalau ada pun, janganlah caj tidak berpatutan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah yang ditemui media di Selayang semalam, berkata harga siling baharu ayam dianggap memadai untuk penternak.

Beliau yang sebelum itu melancarkan program khas Jual Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) anuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), berkata kerajaan memberi subsidi RM1.20 setiap kg dengan keseluruhan subsidi hingga 31 Ogos depan sebanyak RM369 juta.

# Ministry announces price cap for chicken, eggs

**KUALA LUMPUR:** Effective yesterday, the retail ceiling price for standard chicken in Langkawi will be RM9.90 per kg, while in Labuan island, it is set at RM11.30 per kg.

In the west coast of Sabah, standard chicken will be sold at RM11 per kilogramme, while in its east coast, the price was set at RM11.30 per kilogramme.

In Sarawak, the ceiling price for standard chicken has been fixed according to districts, ranging from RM9.80 to RM12.90 per kg.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, in a statement yesterday, said the ceiling prices will be in effect for two months.

This came after Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the cabinet had agreed to cap the ceiling price for standard chicken at RM9.40 per kg in Peninsular

Malaysia on Wednesday. "The implementation of the new ceiling price will cost the government RM369.5 million, raising the total amount of subsidies spent on chickens and eggs since Feb 5 to RM1.1 billion.

"The cabinet's decision to fix ceiling prices and subsidies for chicken and eggs was done carefully for the benefit of all Malaysians, including breeders, suppliers, retailers and consumers, especially those from the B40 and M40 households, who are struggling to cope with soaring inflation," the ministry said.

The ministry also released a list of ceiling prices for chicken eggs yesterday.

In Peninsular Malaysia (including Langkawi island), the retail price for eggs was capped at 45 sen each for Grade A eggs, 43 sen each for Grade B eggs and 41 sen each for Grade C eggs.

In the west coast of Sabah, the prices were fixed at 50 sen each for Grade A eggs, 49 sen each for Grade B eggs and 48 sen each for Grade C eggs.

In the east coast of Sabah, the prices were set at 51 sen each for Grade A eggs, 50 sen each for Grade B eggs and 49 sen each for Grade C eggs.

In Sarawak, the prices ranged from 47 sen to 49 sen for Grade A eggs, between 45 sen to 47 sen for Grade B eggs and from 43 sen to 45 sen for Grade C eggs.

Meanwhile, the ministry said it will step up enforcement by mobilising 2,200 officers across the country to ensure breeders, wholesalers and retailers abide by the new ceiling prices.

"The second phase of Op ATM (Ayam, Telur Ayam dan Minyak Masak) will be continued to ensure that chicken, eggs and cooking oil supplies remain adequate

and stable in the market. "The ministry will also launch Op Samar, where enforcement officers conduct undercover operations and test purchases, to check whether traders are complying with regulations."

The ministry, up to May 31, had conducted 80,179 inspections on premises selling chicken and eggs and found that the compliance rate surpassed 99 per cent.

Only 121 cases for various offences were reported during the checks, it said.

"Another 846,686 premises were inspected this year to enforce the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 and the Control of Supplies Act 1961.

"The compliance level also surpassed 99 per cent, with only 3,832 cases reported under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 and 615 cases under the Control of Supplies Act 1961."

## CHICKEN AND EGGS

# SELLERS SAY NOT AFFECTED BY CEILING PRICE

Poultry traders in Klang Valley say business as usual, CAP claims some sellers defiant

AUDREY DERMAWAN AND KALBANA PERIMBANAYAGAM  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE new ceiling price for standard chicken that came into effect yesterday has not affected poultry sales, claimed chicken traders in the Klang Valley.

The ceiling price, which is an increase of RM0.50 sen per kg, was well received by both consumers and traders, thanks to the government's decision to allocate a RM369.5 million subsidy for chicken and eggs.

Speaking to the New Straits Times, chicken seller C.H Chan, 53, from Cheras said the higher ceiling price had not significantly impacted business.

"It's business as usual for us. So far, until now, the sale of standard chicken is more or less as how it was previously.

"We are grateful that the gov-



A customer buying chicken at a supermarket in Shah Alam yesterday. PIC BY FAIZ ANUAR

ernment didn't go ahead with the initial plan to remove the subsidies for chicken and eggs," he said, adding that floating the price for standard chicken would see it soaring to as high as RM12 per kg.

Chan said RM9.40 per kg was still affordable for many. "One big dressed chicken usually weighs about 1.6 to 1.8kg, so roughly one whole chicken would still be priced below RM20," he said.

Another chicken seller from Kajang, who wanted to be known only as Wan, said the slightly higher price was still a win-win

situation for all. "When news that subsidies for chicken would be removed, everyone was worried that there would be a huge difference in the price, but fortunately that plan was scrapped," he said.

Wan said he had not received any complaints from customers about the price.

"Today is the first day, and so far my regulars who bought from me this morning, especially eatery operators and caterers, haven't complained about the revised pricing," he said, adding that he also gave discounts to his regulars to keep them happy.

A chicken wholesaler from Sentul Pasar, who wanted to be known as Kimi, also said the revised price for chicken did not have any effect on his business.

"I think the new price is reasonable and satisfies both parties," he said.

Yesterday, the cabinet decided to continue providing subsidy for chicken, capping the retail price of standard chicken at RM9.40 per kg in Peninsular Malaysia effective July 1.

The cabinet also agreed to fix the retail ceiling price of grade A chicken eggs at 45 sen each, grade B eggs at 43 sen each, and

grade C eggs at 41 sen each in Peninsular Malaysia, also effective July 1.

However, the Consumers' Association of Penang (CAP) said several markets in the northern state were selling standard chicken way above the ceiling price.

CAP education officer N.V. Subbarow said a survey in several markets showed that chicken was not sold at the set price.

"In our survey on five markets in Bayan Baru and George Town, we found that chicken exceeded the ceiling price. Although some traders wrote the old price on the notice board, they instead sold chicken at RM11 per kilo.

"It's clear that they're not bothered by the new ceiling price.

"Their attitude of indifference and boldness of what the government can do against them is questionable," he said.

Subbarow urged enforcement authorities to take strict action against these errant sellers. He also questioned where the chickens had been kept all this while.

"Prior to this, there was a shortage of chicken in the market. Today chicken is stacked like mountains.

"How come there are more chickens now? Where have they gone all the while?" he asked. Additional reporting by Dheegan Bala Krishnan